


Keperluan vaksin

COVID-19

Berita HARIAN
(07/08/2021)
MIS 30



Remaja bawah 18 tahun tidak perlu takut dapatkan suntikan imunisasi

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Golongan muda berusia di bawah 18 tahun tidak perlu bimbang untuk menerima suntikan vaksin COVID-19, apabila tiba masa mereka dibenarkan berbuat demikian.

Ketika ini, kerajaan masih menjalankan

mendapat suntikan vaksin," katanya.

Perlu dapatkan suntikan

Beliau berkata, walaupun imuniti golongan itu tinggi, tetapi mereka masih perlu mendapatkan suntikan vaksin.

Ini kerana jika golongan itu dijangkiti COVID-19, mereka masih boleh

suntikan vaksin dan ini sebenarnya kesan sampingan biasa selepas mendapat suntikan vaksin," katanya.

Malah katanya, rawatan untuk kesan sampingan penyakit itu adalah dengan makan ubat untuk beberapa hari dan kemudian boleh sembuh seperti biasa.

Bagaimanapun, dua penyakit itu boleh menjadi serius jika ia disebabkan oleh virus termasuk virus yang ber-

kelompok, individu perlu suntikan elak tidak mudah dapat jangkitan COVID-19.

Jika orang sekeliling bagi kelompok bawah 18 tahun sudah mendapat suntikan vaksin ia dapat mengurangkan jangkitan antara 50 sehingga 70 peratus.

Vaksin bantu turunkan kes

masih menjalankan kajian terperinci sebelum membenarkan golongan itu mendapatkan suntikan vaksin.

Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Zamberi Sekawi, berkata kajian terbaharu mengatakan vaksin selamat untuk mereka yang berusia 16 tahun ke atas, cuma Kementerian Kesihatan (KKM) masih mahu melihat data terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan.

“Ini bukan bermakna individu berusia 18 tahun ke bawah tidak layak mendapat vaksin, cuma golongan ini tidak dimasukkan dalam ujian klinikal dibuat sebelum ini disebabkan ketika itu keutamaan kepada warga tua dan pesakit COVID-19.

“Kini melihatkan ada keperluan itu dan sudah dibuat ujian klinikal untuk golongan ini, jadi kita akan tengok jika selamat dan berkesan, selepas ini giliran mereka pula



“**Walaupun imuniti golongan itu tinggi, tetapi mereka masih perlu mendapatkan suntikan vaksin**”

Dr Zamberi Sekawi

mereka masih boleh menyebarkan penyakit itu kepada orang sekeliling.

“Imuniti golongan ini memang tinggi dan apabila virus COVID-19 masuk ke dalam badan, ia mampu membunuh virus itu tetapi dalam masa beberapa hari, mereka masih boleh sebarakan virus itu kepada orang lain.

“Ini yang kita khuatir ketika ini kerana walaupun mereka ada atau tiada gejala kerana imuniti yang baik, tetapi mereka masih boleh sebarakan penyakit ini.

“Jadi lebih baik golongan itu menerima suntikan vaksin supaya mereka tidak sebarakan penyakit, sekali gus mampu membantu menurunkan jumlah kes COVID-19,” katanya.

Risiko radang otot jantung rendah

Mengulas mengenai kajian di Amerika Syarikat (AS) yang mengatakan remaja di bawah 18 tahun berisiko mendapat myocarditis (radang otot jantung) dan pericarditis (radang selaput jantung) selepas mengambil dos kedua vaksin, katanya ia adalah kesan sampingan vaksin.

Dr Zamberi berkata, vaksin bukan satu-satunya penyebab untuk mendapat penyakit terbabit kerana banyak lagi faktor lain yang boleh berlaku dan lazimnya kerana virus.

“Kesan sampingannya bukan saja berlaku kepada golongan berusia 18 tahun dan ke bawah, tetapi juga mereka yang berusia 30 tahun ke bawah.

“Radang otot jantung dan radang selaput jantung tidak serius diderita mereka. Sebenarnya dalam sejuta hanya ada beberapa kes sahaja yang dilaporkan, selain tiada laporan kematian.

“Mereka membuat aduan mendapat sakit dada, sesak nafas atau jantung berdebar selepas

oleh virus termasuk virus yang berpunca daripada penyakit tangan, kaki dan mulut.

Kesan sama seperti orang dewasa

Berdasarkan data, kesan sampingan jika golongan itu mendapatkan suntikan vaksin adalah sama seperti orang dewasa termasuk sakit di tempat suntikan, demam atau pening kepala.

Oleh kerana vaksin COVID-19 masih baharu, tiada kesan jangka panjang dikesan setakat ini, namun ia sebenarnya sudah boleh dikesan dalam masa tiga bulan dengan 90 peratus ketepatan.

“Kesan jangka panjang jarang membabitkan vaksin kerana jika mahu kaitkan vaksin yang diambil beberapa tahun lalu, banyak perkara boleh berlaku dalam tempoh itu dan tidak boleh salahkan vaksin sahaja,” katanya.

Justeru, golongan itu masih belum mendapat janji temu suntikan vaksin dan untuk mengelak jangkitan mereka perlu lakukan langkah pencegahan dengan mengikut prosedur operasi standard (SOP) seperti memakai pelitup muka, menjaga penjarakan fizikal, sentiasa mencuci tangan dan mengelak berada di kawasan terbuka.

Selain untuk mencapai imuniti

vaksin bantu turunkan kes
Katanya, individu yang sudah menerima vaksin boleh menjangkiti golongan muda.

“Jadi penting untuk orang sekeliling golongan muda mendapatkan suntikan vaksin terlebih dahulu supaya dapat mengurangkan kebarangkalian menjangkiti mereka.

“Golongan muda perlu mendapatkan vaksin selepas kerajaan membenarkan suntikan.

“Usaha ini dilihat mampu menurunkan kes. Data KKM, turut menunjukkan 90 peratus mereka yang dijangkiti COVID-19 belum divaksin,” katanya.

Oleh itu, ibu bapa perlu memainkan peranan memastikan anak mereka mendapatkan suntikan vaksin dengan memberikan penerangan terperinci sebab dan tujuan perlu berbuat demikian.

Ketika ini, aplikasi MySejahtera membenarkan pendaftaran mereka yang berusia 12 sehingga 18 tahun.

Bagaimanapun, tiada tarikh janji temu diberikan manakala hanya pelajar yang lahir pada 2003 dan akan melanjutkan pelajaran ke luar negara dibenarkan mendapatkan suntikan vaksin berikutan sudah mencecah usia 18 tahun pada tahun ini.

Individu perlu dapat suntikan elak tidak mudah dapat jangkitan COVID-19.

